

SULIT

SPSS/APRIL2019/DSM1043



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI**  
**KOD KURSUS : DSM1043**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas graf
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

OFFICE OF THE ATTORNEY GENERAL

STATE OF TEXAS




**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Rajah 1 di bawah menunjukkan Kemungkinan Keluaran Pengeluaran (KKP) bagi barang pertanian dan barang perkilangan dalam sesebuah negara.



**Rajah 1**

Berdasarkan rajah 1 di atas:

a. Apakah jenis Keluk Kemungkinan Keluaran Pengeluaran (KKP) tersebut?  
Mengapa?

(2 markah)

b. Hitung:

i. Kos lepas pengeluaran 3 barang perkilangan.

(1 markah)

ii. Kos lepas pengeluaran 4 barang perkilangan.

(1 markah)

iii. Kos lepas pengeluaran 10 barang pertanian.

(1 markah)

c. Berikan **tiga(3)** andaian bagi konsep Kemungkinan Keluaran Pengeluaran (KKP).


(3 markah)

d. Kedudukan titik kekurangan berlaku pada titik \_\_\_\_\_ dan titik pilihan berlaku pada titik \_\_\_\_\_.

(2 markah)

## SOALAN 2

Gambar rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan terhadap ikan.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2 di atas:

- Hitung nilai keanjalan permintaan harga ikan apabila harga turun dari RM5 sekilo ke RM3 sekilo.  
(3 markah)
- Berdasarkan nilai keanjalan permintaan yang telah dikira, apakah darjah keanjalan permintaan harga ikan tersebut?  
(1 markah)
- Berikan **dua(2)** contoh barang yang mempunyai darjah keanjalan permintaan harga yang sama seperti di atas.  
(2 markah)
- Hitungkan keanjalan permintaan pendapatan apabila pendapatan meningkat dari RM 1000 kepada RM 2000 dan kuantiti meningkat dari 12 unit ke 18 unit.  
(3 markah)
- Berdasarkan nilai keanjalan pendapatan yang dikira, apakah jenis barang tersebut?  
(1 markah)

**SOALAN 3**

Jadual 1 di bawah menunjukkan kuantiti diminta ( $Q_d$ ) dan kuantiti ditawarkan ( $Q_s$ ) suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Permintaan (unit)	Penawaran (unit)
6.00	0	120
5.00	20	100
4.00	40	80
3.00	60	60
2.00	80	40
1.00	100	20
0.00	120	0

**Jadual 1**

Berdasarkan jadual 1 di atas, jawab soalan di bawah:

- Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk permintaan dan keluk penawaran. (3 markah)
- Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan barang tersebut. (2 markah)
- Jika harga barang dijual pada RM5.00, adakah terdapat lebih permintaan atau lebih penawaran durian? Nyatakan nilai lebih tersebut. (3 markah)
- Berapakah harga barang apabila berlaku lebih permintaan sebanyak 80 unit? (2 markah)

## SOALAN 4

Jadual 2 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

Butiran	RM juta
Pertanian, perikanan, ternakan dan perhutanan	1,100
Perlombongan dan kuari	600
Perkilangan	700
Pembinaan	500
Kuasa elektrik, air dan gas	70
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	60
Perdagangan, perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	50
Kewangan, insurans dan hartanah	40
Perkhidmatan kerajaan	70
Perkhidmatan lain	50
Import	100
Eksport	80
Insurans	250
Bunga bersih	90
Cukai tak langsung	300
Subsidi	200
Pendapatan faktor bersih dari luar negeri	100
Susut nilai	40
Sewa	500

**Jadual 2**

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan:

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ( $KDNK_{hp}$ ).  
(4 markah)
- Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor ( $KDNK_{kf}$ ).  
(2markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor ( $KNK_{kf}$ ).  
(2 markah)
- Keluaran Negara Bersih (KNB).  
(2 markah)

**SOALAN 5**

Data di bawah menunjukkan penawaran wang di Malaysia pada tahun 2011:

<b>Butiran</b>	<b>RM (Juta)</b>
Wang fiat	2 100
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	2 370
Sijil-sijil boleh runding	3 000
Deposit tetap dan deposit simpanan di bank komersial	6 100
Wang kertas	1 400
Simpanan di BIMB	3 432
Deposit semasa di bank komersial	2 500
Deposit tetap dan simpanan di lain-lain institusi kewangan	6 219

**Jadual 3**

a. Kirakan wang syiling.

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi)?

(2 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Senaraikan **empat(4)** faktor pengeluaran berserta contoh.  
(5 markah)
- b. Dengan menggunakan gambar rajah Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP), jelaskan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas.  
(10 markah)
- c. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem ekonomi perancangan pusat? Terangkan ciri-ciri di dalam sistem ekonomi perancangan pusat.  
(10markah)

**SOALAN 2**

- a. Lukiskan gambar rajah perubahan keluk penawaran rumah, apabila berlakunya peningkatan terhadap harga rumah.  
(5 markah)
- b. Berpandukan gambar rajah, bezakan antara perubahan di dalam kuantiti diminta dan perubahan di dalam permintaan.  
(10 markah)
- c. Jelaskan **empat(4)** faktor yang menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri atau ke kanan.  
(10 markah)



**SOALAN 3**

a. Jelaskan **dua(2)** jenis cukai berserta contoh.

(5 markah)

b. Dalam ekonomi bebas, harga ditentukan oleh persilangan keluk permintaan dan penawaran. Kadang kala tahap harga ini tidak adil sama ada kepada pengguna atau kepada pengeluar. Oleh itu, kerajaan bertindak untuk campur tangan bagi mewujudkan keadilan, agar kebajikan masyarakat dapat ditingkatkan.

Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan tentang **dasar harga kawalan minimum** yang diwujudkan oleh kerajaan.

(10 markah)

c. Jelaskan **empat(4)** masalah pengiraan pendapatan negara.

(10 markah)

**SOALAN 4**

a. Senaraikan **lima(5)** ciri-ciri wang.

(5 markah)

b. Jelaskan **empat(4)** fungsi bank perdagangan.

(10 markah)

c. Terdapat enam jenis halangan perdagangan. Huraikan halangan perdagangan berikut:

- i. Tariff.
- ii. Embargo.
- iii. Kuota.

(10 markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

